

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]

TARIKH : 16.10.2014

SOALAN :

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan Sekolah Wawasan yang telah diwujudkan mengikut negeri dan sejauh manakah Sekolah Wawasan ini telah berjaya mencapai objektif penubuhannya untuk mewujudkan sistem persekolahan berteraskan konsep perpaduan serta adakah Kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan lagi Sekolah Wawasan sebagai usaha untuk mewujudkan integrasi nasional dan melahirkan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak enam (6) Kompleks Sekolah Wawasan yang telah diwujudkan di seluruh negara iaitu dua (2) buah di negeri Perak dan masing-masing sebuah di negeri Selangor, Kedah, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Kesemua sekolah ini menjalankan aktiviti bersama-sama dalam usaha mencapai objektif penubuhannya iaitu mewujudkan perpaduan seperti perhimpunan bersama sebulan sekali, berkongsi padang dan kantin,

menjalankan temasya sukan tahunan, sambutan Hari Kebangsaan dan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP).

Sekolah Wawasan ini telah berjaya mencapai objektif penubuhannya untuk mewujudkan sistem persekolahan berteraskan konsep perpaduan di mana:-

- a) Murid-murid dari ketiga-tiga aliran sekolah tersebut dapat berkomunikasi antara satu sama lain dalam bahasa Malaysia.
- b) Murid-murid dapat memahami dan menghayati budaya dan makanan kaum lain.
- c) Para guru dapat bertukar-tukar idea dan pandangan antara satu sama lain untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran ke arah peningkatan akademik murid.

Sehingga kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak berhasrat untuk memperluaskan konsep ini kerana tidak mendapat sambutan dan penyertaan yang baik daripada masyarakat Cina. Dalam enam (6) buah sekolah wawasan yang diwujudkan hanya satu (1) sahaja yang dapat penyertaan daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Sehubungan itu, KPM akan menilai dan mengkaji secara terperinci berkaitan dengan integrasi nasional ini jika Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan konsep ini pada masa hadapan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 OKTOBER 2014
[KHAMIS]

DARIPADA : Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
[Pengerang]

SOALAN :-

Y.B. DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID [Pengerang] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan sejauh manakah perancangan Kementerian untuk melaksanakan pembangunan perumahan di tanah-tanah Kerajaan di Parlimen Pengerang dengan harga terkawal serta menetapkan kuota Bumiputera dimana langkah ini adalah penyelesaian kepada keperluan perumahan yang mendesak akibat kemasukan tenaga pekerja yang tinggi.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited dan sedang melaksanakan pembinaan 1 Juta Rumah Mampu Milik di seluruh negara termasuk di negeri Johor. Buat masa ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hanya menumpukan pada projek Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi golongan berpendapatan rendah yang dibina di tanah-tanah Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri boleh memainkan peranan bersama untuk melaksanakan pembangunan perumahan mampu milik termasuklah di Negeri Johor.

Penetapan kuota bumiputera adalah di bawah bidang kuasa dan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing dan ianya berbeza dalam setiap pemajuan projek perumahan.